



e-Buletin Ramadan IABCU 1447H/2026



16 RAMADAN 1447



INSTITUT AMINUDDIN BAKI
CAWANGAN UTARA



6 MAC 2026

Salam Nuzul Quran

17 Ramadan
Wahyu Allah SWT diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibrail A.S.

Malaikat Jibrail memeluk dan merangkul baginda dengan kuat serta berkata: 'Iqra' yang bermaksud (bacalah).

41 tahun
Usia Nabi Muhammad SAW ketika peristiwa Nuzul Quran

6km dari Makkah
Lokasi Gua Hira' Jabal Nur di mana Al Quran mula diturunkan

23 tahun
Tempoh Al Quran diturunkan secara beransur-ansur

Kelebihan Membaca Al-Quran: Setiap Huruf Bernilai

Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa yang **membaca satu huruf di dalam Al-Quran** maka **baginya satu kebaikan** dan setiap kebaikan itu **digandakan menjadi sepuluh kebaikan** yang semisal dengannya. Aku tidak mengatakan "الم" satu huruf akan tetapi Alif satu huruf, Laam satu huruf dan Miim satu huruf".

[Riwayat al-Tirmizi (2835)]

Jom kita jadikan Al-Quran sebagai sahabat harian kita, kerana setiap huruf yang kita baca adalah pelaburan untuk akhirat.

"Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah".
(Surah al-Baqarah, 185).

1 Kebaikan x 10

